

GARIS PANDUAN PERANCANGAN JPBD 13/97

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN

## PERUMAHAN PEKERJA KILANG



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEMPERATUR MELAKA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997  
Cetakan Kedua 1999  
© Hakecipta  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Malaysia

Hakecipta terpelihara.  
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak  
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara  
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan  
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada  
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya  
tanpa kebenaran bertulis daripada  
Penerbit terlebih dahulu.

**ISBN 983-9396-28-5**

KDN : BP/301/22 JLD. 19 SEM/2.  
Diterbitkan di Malaysia  
Oleh  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Malaysia.  
Tel: 03-2989211 Fax : 03-2929994

Dicetak oleh:  
**Misas Advertising**  
NO. 7, Jalan 6/23E,  
Taman Damai Kota, 53300 Kuala Lumpur.  
Tel/Fax: 03-40242004

**Harga : RM30.00**

**- 6 OCT 2003**

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
**APB 01113478**

# KATA ALU-ALUAN

*Ketua Pengarah*

*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia*



**K**emudahan perumahan (accommodation facilities) adalah satu keperluan asas kepada penduduk sesuatu kawasan khususnya kepada pekerja kilang. Sejak kebelakangan ini, isu perumahan pekerja kilang semakin ketara akibat dari pertambahan bilangan pekerja-pekerja. Pertambahan ini telah menimbulkan beberapa masalah sosial di kalangan masyarakat.

Penyediaan perumahan pekerja kilang yang bersepada dengan pembangunan industri diharap dapat menangani masalah seperti kos sewa rumah yang tinggi, keselamatan dan pelbagai masalah sosial yang lain. Menyedari hakikat ini Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan satu garispanduan yang merangkumi pelbagai aspek perancangan seperti konsep perumahan, saiz serta keperluan sokongannya berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat kearah pembentukan Masyarakat Madani.

Garispanduan perancangan perumahan pekerja kilang yang dihasilkan ini adalah bagi kegunaan semua pihak terutamanya Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan pembangunan yang melibatkan perumahan pekerja kilang.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya menghasilkan Garispanduan Perancangan Perumahan Pekerja Kilang ini.

  
**DATO PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD**  
(D.P.M.T., I.M.N., J.S.M., S.M.T., K.M.N., A.S.K.)

ISIKANDUNGAN	MUKA SURAT
--------------	------------

---

1.0 TUJUAN	1
2.0 LATAR BELAKANG	1
3.0 MATLAMAT	2
4.0 PRINSIP PERANCANGAN	2
5.0 DASAR PERANCANGAN	3
6.0 GARIS PANDUAN PERUMAHAN PEKERJA KILANG DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SECARA BERSEPADU	4

**Senarai Jadual**

Jadual 1 : Konsep Susunatur Perumahan Pekerja Kilang	9
--	---

**Senarai Rajah**

Rajah1: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang – Konsep Hostel (Domitori)	11
Rajah 2: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang Konsep Bedsitter	12
Rajah 3: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang Konsep Kejiranian	13
Rajah 4: Contoh Susunatur Perumahan Pekerja Kilang Konsep Perkampungan	14

## **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN PEKERJA KILANG**

### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan bagi membantu Pihakberkuasa Negeri dan Pihakberkuasa Perancang Tempatan dalam meluluskan permohonan pembangunan industri dari aspek perancangan perumahan pekerja kilang.

### **2.0 LATARBELAKANG**

Malaysia telah mengalami kepesatan pembangunan di sektor industri sejak kebelakangan ini. Secara tidak langsung ia menarik ramai tenaga kerja terutama dikalangan belia ke kawasan perindustrian utama. Fenomena ini telah mengakibatkan masalah perumahan dan kemudahan untuk golongan tersebut. Di antara isu utama yang dihadapi adalah seperti berikut:

- i. Kawasan perumahan, perkampungan dan setinggan berhampiran kawasan perindustrian menjadi tempat tinggal pekerja-pekerja kilang;
- ii. Pekerja-pekerja kilang wanita tinggal di tempat-tempat tinggal yang tidak selamat;
- iii. Kos sewa rumah terlalu tinggi untuk pekerja-pekerja kilang;
- iv. Pekerja-pekerja kilang tidak diberi kemudahan tempat tinggal yang sempurna oleh majikan; dan
- v. Tiada komitmen sosial oleh majikan kepada pekerja-pekerjanya.

Garis panduan ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- i. Saiz minima kawasan industri untuk disyaratkan perumahan pekerja kilang;
- ii. Piawaian Perancangan perumahan pekerja kilang dan kemudahan asasnya; dan
- iii. Pelan susunatur untuk perumahan pekerja kilang.

### **3.0 MATLAMAT**

Matlamat perancangan perumahan untuk pekerja-pekerja kilang adalah untuk mencapai dasar berikut:

- i. Penyediaan tempat tinggal yang selamat dan selesa, kemudahan sosial yang cukup dan harmoni untuk kesihatan mental, fizikal serta pembentukan moral yang mulia;
- ii. Mengujudkan konsep perkampungan industri; dan
- iii. Penyediaan komponen pelan susunatur perumahan pekerja-pekerja kilang yang berasaskan Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat.

### **4.0 PRINSIP PERANCANGAN**

Beberapa kriteria telah diambilkira dan diberi penekanan kearah satu “paradigma” membentuk cara hidup berteraskan kepada Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat.

Prinsip perancangan yang diambilkira dalam perancangan perumahan pekerja kilang adalah seperti berikut:

- i. **Adil dan Saksama** – Pelan susunatur direkabentuk dengan mengambilkira pertapakan asrama dan kedapatan serta komponen sokongannya berasaskan falsafah Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat.
- ii. **Keselesaan** – Unit-unit asrama mempunyai saiz bilik yang selesa dan ruang yang mencukupi.
- iii. **Harmoni** – Asrama mempunyai suasana yang harmonis dan terkawal.
- iv. **Interaksi** – Pusat rakan disediakan untuk membimbing masyarakat pekerja-pekerja kilang dalam ilmu wajadiri dan dijadikan pusat bermusyawarah serta berinteraksi.
- v. **Mencukupi** – Kemudahan sosial yang cukup mengikut sistem sosial berteraskan prinsip keugamaan terutamanya Islam untuk membantu menambahbaikkan proses pembangunan sosial masyarakat pekerja-pekerja

- kilang supaya mempunyai daya tahan yang tinggi untuk menghadapi perubahan-perubahan yang berlaku disekitarnya.
- vi. **Berilmu** – Tempat-tempat ibadat dijadikan institusi untuk peningkatan kerohanian bagi membendung gejala yang kurang sihat dan mengaturkan pentadbiran dan pengurusan kebajikan pekerja.
  - vii. **Lengkap** – Mewujudkan sistem kawasan perumahan yang serba lengkap (self contained) untuk kawasan industri yang mempunyai 5,000 pekerja ke atas.
  - viii. **Keselamatan** – Perancangan kawasan hendaklah bersepada dengan menitikberatkan aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan pembangunan minda serta kerohanian.

## 5.0 DASAR PERANCANGAN

Dasar-dasar perancangan pembangunan perumahan pekerja kilang berikut perlu dipatuhi:

- 5.1 Industri yang beroperasi di negara ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu industri kecil, sederhana dan besar.
  - i. Industri kecil boleh memuatkan lebih kurang 8-10 unit setiap 0.4 hektar (satu ekar) dan pada kadar 5 pekerja/unit yang boleh menampung 150 orang pekerja bagi setiap 1.2 hektar (3 ekar); dan
  - ii. Bagi industri sederhana dan besar memerlukan kawasan yang lebih luas dari industri kecil iaitu melebihi 4 hektar (10 ekar) untuk menampung lebih daripada 150 orang pekerja.

Berasaskan kriteria di atas, kawasan industri yang dizonkan hendaklah tidak kurang daripada 8 hektar (20 ekar) untuk membolehkan 10 hingga 20 peratus kawasan diperuntukkan bagi pembangunan perumahan pekerja kilang berdasarkan ukuran 1 unit domitari sama dengan 18.58 meter persegi (200 kaki persegi) ‘twin sharing concept’. Ini tidak termasuk keperluan rekreasi dalam mana saiznya adalah mengikut komponen yang disediakan.

- 5.2 Setiap kawasan yang dizonkan untuk pembangunan industri disyaratkan menyediakan kemudahan perumahan pekerja berdasarkan saiz pekerja masing-masing.

- 5.3 Kemudahan perumahan jenis ‘bedsitter’ hendaklah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pekerja-pekerja tidak berkeluarga (‘singleworker’) dan tidak membawa ahli keluarga. Tiga jenis ‘bedsitter’ telah dikenalpasti yang boleh dibina iaitu:
- Bangunan yang mempunyai banyak bilik dengan kemudahan tempat masak yang berasongan dan dikongsi bersama;
  - Bangunan yang mempunyai bilik-bilik yang dilengkapi dengan kemudahan memasak; dan
  - Asrama dengan kemudahan dewan makan atau kantin. Pilihan konsep adalah berdasarkan kesesuaian dan kemampuan institusi-institusi industri untuk menyediakannya.
- 5.4 Perancangan pembangunan perumahan pekerja di dalam kawasan industri hendaklah diintegrasikan dengan taman industri.
- 5.4.1 Dalam merancang tempat tinggal bagi pekerja-pekerja kilang ini, 4 prinsip perancangan berikut hendaklah diambil kira iaitu:
- Keselamatan dan kesesuaian
  - Kesihatan mental dan fizikal;
  - Kemudahan sosial yang mencukupi yang dapat menjamin keutuhan akhlak dan meningkatkan ilmu; dan
  - Bersih dan Indah
- 5.4.2 Pihak pengurusan taman-taman industri perlu merancang satu kawasan khas dalam kompleks perindustriannya untuk dijadikan hostel, ‘bedsitter’ atau rumah pangsa pekerja-pekerja kilang yang lengkap dengan kemudahan sosial dan keperluan-keperluan asas yang sesuai.
- 6.0 GARIS PANDUAN PERUMAHAN PEKERJA KILANG DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SECARA BERSEPADU.**
- Empat (4) parameter dijadikan asas dalam menyediakan piawaian bagi perumahan pekerja kilang iaitu:

i. **Keperluan Asas Perumahan Pekerja Kilang**

Bangunan perumahan pekerja kilang yang hendak dibina perlu memberi kepentingan kepada keperluan asas pekerja-pekerjanya dan rekabentuk unit-unit rumah perlulah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan tempat tinggal, tempat berekreasi dan beribadat.

ii. **Sewa Yang Rendah Dan Mampu Dibayar**

Semua perumahan pekerja hendaklah mempunyai piawaian pelan susunatur yang seragam untuk dijadikan model yang sesuai untuk dilaksanakan oleh pihakberkuasa tempatan dengan kadar sewaan yang rendah serta mampu dibayar oleh pekerja.

iii. **Konsep Masyarakat Penyayang Dan Produktif**

Konsep ini dijadikan asas dalam merancang perumahan pekerja supaya kebijakan mereka terjaga pada tahap yang realistik dan mewujudkan budaya pekerja yang murni, berjiwa tinggi dan produktif.

v. **Penyelenggaraan Yang Rendah**

Penyelenggaraan bangunan biasanya merupakan satu beban kepada pemilik konsep rumah ‘bedsitter’. Satu garis panduan yang seragam bagi penyelenggaraan bangunan akan dapat menjimatkan kos pelaksanaan projek ini.

**6.1 Perancangan Tapak Perumahan Pekerja Kilang.**

i. **Pertapakan**

- a. Perumahan pekerja kilang hendaklah di dalam zon pentadbiran kilang dan dekat dengan pusat perkhidmatan sokongan kawasan industri;
- b. Arah orientasi rumah-rumah mengambil kira peredaran angin.
- c. Jarak dari zon industri hendaklah tidak kurang daripada 500 meter dan dipisahkan dengan zon penampang (fizikal/hijau); dan
- d. Mudahsampaikan kepada perkhidmatan pengangkutan awam dan kemudahan sosial dan pusat makanan (restoran).

ii. **Pembangunan Sekitar Tapak**

- a. Gunatanah di sekitar tapak hendaklah serasi dan tidak berkonflik;
- b. Rangkaian jalan raya yang sesuai dan memberi sistem interaksi yang selamat; dan
- c. Kawasan tapak industri yang mempunyai ciri-ciri topografi yang menarik hendaklah diberi keutamaan untuk zon pentadbiran, perumahan, pengurusan dan pekerja kilang.

iii. **Pembangunan Tanah Lapang dan Rekreasi**

- a. Tanah lapang pelbagaiguna disediakan khusus untuk aktiviti-aktiviti seperti padang permainan kanak-kanak dan padang bola;
- b. Tanah lapang sebagai kawasan hijau disediakan untuk tujuan jaluran penampang dan skrin visual;
- c. Tanah lapang berfungsi untuk aktiviti-aktiviti riadah;
- d. Kemudahan Permainan perlu mencapai hasrat berikut:
  - Nilai rekreasi dan pembentukan mental supaya peralatan yang menggalakkan pertumbuhan yang sihat dan membawa keceriaan/kebahagiaan pada pertumbuhan mental kanak-kanak supaya dapat membentuk nilai-nilai koordinasi, integrasi, persaingan, kreativiti, kegembiraan dan membina keyakinan diri.
- e. Semua peralatan perlu mempertimbangkan aspek-aspek berikut:
  - Mengikut skala dan ‘proportion’ yang sesuai dengan keupayaan fizikal dan emosi kanak-kanak pada semua peringkat umur;

- Peralatan direkabentuk dan dibina dengan selamat, bebas dari permukaan yang tajam, kukuh, mengelakkan penyalahgunaan, daya ketahanan yang tinggi dan mempunyai alat keselamatan yang dipasang bagi mengurangkan kemalangan.
- f. Rekabentuk Taman Permainan perlu mengambilkira perkara berikut:
  - Taman haruslah mudahsampai tanpa perlu banyak melintasi jalan utama; dan
  - Laluan pejalan kaki/gili-gili yang menghala ke taman.

iv. **Sistem Pengangkutan**

- a. Menyediakan sistem jalanraya dan laluan utama yang dapat melicinkan pergerakan lalulintas serta menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna; dan
- b. Menyediakan kemudahan perkhidmatan bas dan teksi.

v. **Landskap**

Persekutuan kawasan perumahan pekerja kilang perlu dilandskap bagi mewujudkan suasana yang indah, selesa dan harmoni serta mengawal pencemaran hendaklah mengambilkira perkara berikut;

- a. Menanam pokok-pokok bersesuaian bagi tujuan penebatan kesan bunyi dan pencemaran; dan
- b. Memilih tanaman bertekstur padat, permukaan daun berbulu dan berair bagi penyerapan habuk dan penebatan kesan bunyi.

vi. **Susunatur Perumahan Pekerja Kilang**

Konsep susunatur perumahan pekerja kilang adalah seperti berikut:

**a. Konsep Hostel (Domotori)**

Tempat tinggal berbilik dan tidak disediakan ruang untuk kemudahan memasak tetapi disediakan dewan makan.

**b. Konsep 'Bedsitter'**

'Bedsitter' berfungsi sebagai tempat tinggal berbilik dan disediakan ruang umum untuk kemudahan memasak secara berkongsi disamping disediakan dewan makan.

**c. Konsep Kejiranan Masyarakat Pekerja-Pekerja Kilang**

Rumah pekerja kilang disediakan di dalam kawasan perumahan yang merupakan sebahagian daripada konsep kejiranan kawasan perumahan berkenaan. Konsep ini sesuai untuk pembangunan bercampur yang terdiri daripada pembangunan industri dan perumahan dalam satu kawasan. Perumahan pekerja kilang boleh ditempatkan di dalam kawasan perumahan dan menjadi satu kejiranan dan diintegrasikan bersama dengan kawasan kejiranan yang lain.

**d. Konsep Perkampungan Industri Yang Serba Lengkap**


Konsep ini sesuai untuk taman industri yang besar yang mempunyai pekerja 5,000 keatas dalam mana boleh diwujudkan satu perkampungan untuk pekerja-pekerja kilangnya. Ciri-ciri kawasan perkampungan ini serupa dengan ciri-ciri kejiranan perumahan yang selesa dan lengkap dengan kemudahan yang diperlukan oleh sesuatu kawasan kejiranan perumahan.

## JADUAL 1: KONSEP SUSUNATUR RUMAH-RUMAH PEKERJA KILANG

KRITERIA	JENIS RUMAH PEKERJA KILANG			
	KONSEP HOSTEL 4 hektar (10 ekar)	KONSEP BEDSITTER 4 hektar (10 ekar)	KONSEP KEJIRANAN 8 hektar (20 ekar)	KONSEP PERKAMPUNGAN 8 hektar (20 ekar)
Rumah Pekerja	Domitori	i. Blok Lelaki ii. Blok Wanita	i. Blok Lelaki ii. Blok Wanita iii. Blok Kelamin	i. Kelamin ii. Bijang iii. Bijang Wanita
Jenis Bangunan	Pangsas-5 tingkat; dan  Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.	Pangsas - 5 tingkat; dan  Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.	Pangsas - 5 tingkat; dan  Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.	Bangunan bercampur (Pangsas dan Tertes Kos Rendah); dan  Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.
Perniagaan	Gerai	i. Rumah Kedai; ii. Gerai; dan Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.	i. Rumah Kedai; ii. Pasaraya/Koperasi/Supermarket; iii. Restoran/Kecif; iv. Pam Minyak; v. 'Banking/Professional Service Centre' vi. Dobi (Laundry) vii. Gerai; dan Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri	i. Rumah Kedai; ii. Pasaraya/Koperasi/Supermarket; iii. Pam Minyak; iv. Dobi/Restoran; v. 'Banking/Professional Service Centre'; vi. 'Pusat membeli-belah'; dan Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.
Sistem Laluan	Laluan utama dalam kawasan ialah 66 kaki; dan Sistem starkaki berlandskap	Laluan utama dalam kawasan ialah 66 kaki; dan Sistem starkaki berlandskap	Laluan utama dalam kawasan ialah 66 kaki; dan Sistem starkaki berlandskap	Laluan utama dalam kawasan ialah 66 kaki; dan Sistem starkaki berlandskap
Tempat Letak Kereta	1 RLK/2 unit +20% daripada jumlah unit.	1 RLK/2 Unit + 20% daripada jumlah unit	1 RLK/2 Unit + 20% daripada jumlah unit	1 RLK/2 Unit + 20% daripada jumlah unit.
Kemudahan Rekreasi	10% tanah lapang kawasan perindustrian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gelanggang Bola Jaring;</li> <li>• Gelanggang Bola Tampar;</li> <li>• Gelanggang Sepak Takraw; dan</li> <li>• Gelanggang Sepak Takkraw; dan            Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.         </li></ul>	10% tanah lapang kawasan perindustrian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gelanggang Tenis;</li> <li>• Gelanggang Bola Tampar;</li> <li>• Gelanggang Bola Jaring;</li> <li>• Gelanggang Sepak Takraw; dan</li> <li>• Padang Bola;</li> <li>• Dewan Rekreasi; dan</li> </ul> Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri.	10% tanah lapang kawasan perindustrian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gelanggang Tenis;</li> <li>• Gelanggang Bola Tampar;</li> <li>• Gelanggang Bola Jaring;</li> <li>• Gelanggang Sepak Takraw;</li> <li>• Padang Bola;</li> <li>• Padang Permainan Kanak-Kanak; dan</li> </ul> Mematuhi syarat-syarat Piawaian Perancangan yang diterimakai oleh Phakberkuasa Negeri	

JENIS RUMAH PEKERJA KILANG				
KRITERIA	KONSEP HOSTEL 4 hektar (10 ekar)	KONSEP BEDSITTER 4 hektar (10 ekar)	KONSEP KEJIRANAN 8 hektar (20 ekar)	KONSEP PERKAMPUNGAN 8 hektar (20 ekar)
Kemudahan Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surau;</li> <li>ii. Tangki air;</li> <li>iii. Pusat Inovasi, Peketja/Pusat Kaunseling;</li> <li>iv. Pondok Keselamatan, dati</li> </ul> <p>Mematuhi syarat-syarat Prawiran Perancangan yang diterimakai oleh Pihakberkuasa Negeri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surau;</li> <li>ii. Pusat Inovasi Pekerja/Pusat Kaunseling;</li> <li>iii. Kemudahan Sukan;</li> <li>iv. Kopertis;</li> <li>v. Geraf/Kedai;</li> <li>vi. Dobi/Laundry; dan</li> </ul> <p>Mematuhi syarat-syarat Prawiran Perancangan yang diterimakai oleh Pihakberkuasa Negeri</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surau</li> <li>ii. Tadika/Nurseri Kanak-Kanak;</li> <li>iii. Pusat Inovasi/Pusat Kaunseling;</li> <li>iv. Pusat Kesihatan Kecil (Klinik);</li> <li>v. Bangunan Polis/Pos;</li> <li>vi. Bekalan air;</li> <li>vii. Tapak Pengolahan Nafis;</li> <li>viii. Sub stesyen Tenaga Nasional Berhad; dan</li> </ul> <p>Mematuhi syarat-syarat Prawiran Perancangan yang diterimakai oleh Pihakberkuasa Negeri</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Masjid;</li> <li>ii. Bangunan Polis/Pos;</li> <li>iii. Pusat Bomba;</li> <li>iv. Pusat Kelebihan/Bank;</li> <li>v. Perpustakaan;</li> <li>vi. Kelab Rekreasi;</li> <li>vii. Pusat Inovasi/Kelab Islam;</li> <li>viii. Tadika/Nurseri Kanak-Kanak; Bengkel;</li> <li>ix. Stesyen Pengangkutan;</li> <li>x. Pondok Keselamatan;</li> <li>xii. Posut Rakan Muda;</li> <li>xiii. Sekolah Rendah;</li> <li>xiv. Sekolah Menengah;</li> <li>xv. Institut Latihan;</li> <li>xvi. Bekalan air;</li> <li>xvii. Tapak Pengolahan Nafis;</li> <li>xviii. Sub stesyen Tenaga Nasional Berhad; dan</li> </ul> <p>Mematuhi syarat-syarat Prawiran Perancangan yang diterimakai oleh Pihakberkuasa Negeri</p>


**RAJAH 1: CONTOH SUSUNATUR PERUMAHAN PEKERJA  
KILANG – KONSEP HOSTEL (DOMITORI)**



**PETUNJUK**

- [D] Hostel (Domitori)
- [KL] Kawasan Lapang
- [BT] Gelanggang Bola Jaring
- [BT] Gelanggang Bola Tampar
- [ST] Gelanggang Sepak Takraw
- [TLK] Tempat Letak Kereta
- [DM] Dewan Makan
- [S] Surau
- [TA] Tangki air
- [PPK] Pusat Pekerja/Pusat Kaunseling
- [PK] Pondok Keselamatan


**RAJAH 2: CONTOH SUSUNATUR PERUMAHAN PEKERJA  
KILANG KONSEP BEDSITTER**



**PETUNJUK**

	Blok Lelaki		Gerai
	Blok Wanita		Dewan makan Wanita
	Kawasan Lapang		Surau/Dewan Rekreasi
	Gelanggang Tenis		Dewan makan Lelaki
	Gelanggang Bola Tampar		Tangki Air
	Gelanggang Bola Jaring		Pusat Inovasi/Pusat Kaunseling
	Gelanggang Sepak Takraw		Tangki Najaís
			Tempat Letak Kereta
			Pondok Keselamatan
			Jalan Raya

**RAJAH 3: CONTOH SUSUNATUR PERUMAHAN  
PEKERJA KILANG KONSEP KEJIRANAN**



**PETUNJUK**

	Blok Kelamin		Dewan Rekreasi
	Blok Wanita Bujang		Dewan Makan Wanita
	Blok Lelaki Bujang		Surau/Tadika
	Kawasan lapang		Dewan Makan Lelaki
	Tenis		Tangki Air
	Bola Tampar		Pusat Inovasi/P. Kaunseling
	Badminton		Kolam Oksidasi
	Bola Jaring		Dobi
	Padang Bola		Bank
	Gerai		Pasaraya Koerasi
			Pondok Polis & Pos
			Tenaga Nasional Berhad
			Tempat Letak Kereta
			Jalanraya

**RAJAH 4: CONTOH SUSUNATUR PERUMAHAN  
PEKERJA KILANG KONSEP PERKAMPUNGAN**



**PASUKAN KAJIAN GARIS PANDUAN  
PERANCANGAN PERUMAHAN PEKERJA KILANG**

**PENASIHAT**

1. *Y. Bhg. Dato' Prof. Zainuddin bin Muhammad  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Semenanjung Malaysia*

**JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN**

1. *Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Semenanjung Malaysia* — *Pengerusi*
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Semenanjung Malaysia*
3. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Semenanjung Malaysia*
4. *Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri-Negeri*
5. *Pejabat Pengurusan,  
Bahagian Rancangan Pembangunan*
6. *Unit-unit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Ibu Pejabat, Semenanjung Malaysia.*
7. *Bahagian Rancangan Pembangunan, Perbadanan Putra Jaya*
8. *Bahagian Perancangan Jalan, Kementerian Kerja Raya*
9. *Lembaga Pembangunan Labuan*
10. *Lembaga Pembangunan Langkawi*
11. *Kuala Lumpur International Airport Berhad*
12. *Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang*
13. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang,  
Jabatan Perdana Menteri.*

14. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan JPBD, Ibu Pejabat* — *Urusetia*

#### **JAWATANKUASA PENYELARAS**

1. *Timbalan Ketua pengarah (Pengurusan)* — *Pengerusi*
2. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan Darul Khusus*
3. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor Darul Ehsan.*
4. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak Darul Redzuan.*
5. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor Darul Takzim*
6. *Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang*
7. *Ketua Unit Sapital*
8. *Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan*

#### **PASUKAN KAJIAN**

1. *Pn. Hajjah Norasiah binti Haji Yahya*  
*(Ketua Pasukan Kajian)*
2. *Pn. Jamariah Isam*
3. *Pn. Shamsaini Shamsuddin*
4. *En. Mohd. Nasir bin Kamin*
5. *Pn. Salmiah binti Hashim*
6. *Pn. Hajjah Norisah binti Haji Rahim*
7. *En. Mohd. Yasir bin Said*
8. *Pn. Husniah binti Mohd. Hasir*
9. *Pn. Hodijah binti Abdullah*
10. *Pn. Zulridah binti Arshad*